

# 'Tonto' sukarkan PBT hapus aktiviti buang sampah haram

• Kebanyakan operator tapak pelupusan sampah haram seperti di Selangor dikenal pasti mempunyai latar belakang jenayah atau terbabit dengan kegiatan gengsterisme

• Dalam hal ini, ada pemilik tanah tidak gentar undang-undang, sanggup menyewakan tanahnya untuk dijadikan pusat pelupusan sampah haram

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman  
bhrenca@bh.com.my



Ketua Makmal,  
Institut Pengajian  
Sains Sosial,  
Universiti Putra  
Malaysia

Pada tahun lalu, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) mengesahkan sebanyak 432 tapak pembuangan sampah haram di enam negeri serta Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Negeri terbabit adalah Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Johor dengan 163 daripadanya masih aktif menjadi tempat pembuangan sampah walaupun ditutup pihak berkuasa.

Setakat ini, sebanyak 127 tapak pelupusan sampah haram berjaya ditutup di seluruh negara dengan anggaran jumlah sisa dibersihkan adalah 425 tan.

Di Selangor misalnya, kewujudan tapak lopus sampah haram berlaku Kuala Selangor, Sepang dan Hulu Langat. Lantaran itu, Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) menerusi SWCorp menyasarkan untuk menutup 300 tapak sampah haram seluruh negara dalam tempoh terdekat.

Menurut rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS), sejak 1 Januari sehingga 25 Mei lalu, sebanyak 101 kes aduan dilaporkan membabitkan pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah haram.

Susulan itu, JAS mengeluarkan 236 arahan lapangan atau amaran, 28 kompaun, 58 notis arahan dan satu tindakan mahkamah ke atas kesalahan melakukan pembakaran terbuka.

Mengikut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh didenda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

Namun, perkara yang tidak diketahui umum adalah kos pemuliharaan tapak pelupusan sampah haram sangat tinggi disebabkan kerosakan berskala besar terhadap alam sekitar.

Kerajaan Selangor misalnya meluluskan peruntukan hampir RM3 juta bagi merawat dan membersihkan kawasan seluas lebih sembilan hektar yang dijadikan tapak pelupusan sampah

haram di Bukit Serdang.

Malah, kos pemuliharaan tapak pelupusan sampah haram di Twin Palms, Sungai Long serta Tasik Black Water di Bandar Mahkota Cheras mencecah puluhan juta ringgit.

Lebih menyulitkan, kebanyakan operator atau pengendali tapak pelupusan sampah haram khususnya di Selangor dikenal pasti mempunyai latar belakang jenayah atau terbabit dengan kegiatan gengsterisme.

Mereka akan menghalang penguatan kuasa bertindak, selain melakukan provokasi, termasuk dibantu 'tonto' di sekitar tapak yang memberi maklumat mengenai operasi pihak penguatan kuasa.

Faktor ini antara punca menyukarkan usaha kerajaan negeri membasmi aktiviti pembuangan sampah haram serta tapak sampah haram.

## Selesai secara bersepodu

Justeru, pengurusan sisa pepejal perlu diteliti dengan terperinci dan diselesaikan segera secara bersepodu membabitkan kerjasama semua pihak bagi memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Kegagalan menangani isu ini boleh memberi impak negatif kepada kebersihan kawasan setempat sehingga menjadikan kualiti kesihatan dan kelestarian alam sekitar.

Jika operasi tapak pelupusan sampah secara haram ini tidak ditangani dan dibiarkan terus berleluasa akan berlaku pencemaran di kawasan sekitar menyebabkan udara sekitar berbau dan berjerebu.

Natijahnya, tindakan tidak bertanggungjawab membuang sampah haram ini menimbulkan pencemaran bau selain turut mengundang pelbagai masalah kesihatan lain termasuk menjadi tempat pembiakan vektor.

Justeru, operasi pemantauan secara berterus, penangkapan dan pendakwaan perlu diperhebatkan bagi membasmi operasi pusat pembuangan sampah haram. Dalam hal ini, ada pemilik tanah sanggup menyewakan tanahnya untuk dijadikan pusat pelupusan sampah haram.

Hakikatnya mereka boleh didenda maksimum RM2,000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan, selain denda

RM200 sehari jika kesalahan itu berterusan.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) juga perlu diberi kuasa lebih besar khususnya membabitkan penguatkuasaan alam sekitar untuk mengambil tindakan terhadap pemilik tanah yang menjadikan tanahnya pusat pelupusan sampah haram.

PBT ketika ini berdepan kekangan undang-undang untuk mengambil tindakan pihak menyalahgunakan tanah sebagai tempat pelupusan sampah.

Kuasa PBT di bawah Undang-Undang Kecil (UUK), terhad dan tertakluk hanya kepada pembuang sampah (lori sampah), tidak termasuk operator menguruskan tapak sampah haram.

Malah, jumlah denda dikenakan bagi kesalahan berkaitan juga terlalu rendah berbanding impak negatif terhasil akibat kewujudan pusat pelupusan sampah haram kepada masyarakat dan alam sekitar.

Pegawai PBT hanya mempunyai kuasa untuk mengkompaun atau menyita aset mana-mana pesalah melakukan kesalahan termasuk lori sampah melanggar kesalahan berkaitan.

## Orang ramai boleh bantu PBT

Maka, penguatkuasaan bersepodu perlu dilakukan dengan jabatan berkaitan kerana kehadiran lebih kerap pihak berkuasa di lokasi pelupusan boleh menggerunkan operator syarikat pelupusan sampah.

Orang ramai juga boleh membantu PBT di kawasan masing-masing untuk membanteras aktiviti pembuangan sampah secara haram. Mereka boleh merakamkan gambar atau video mengenai aktiviti itu bagi memudahkan PBT mengambil tindakan.

Penggunaan teknologi moden seperti dron dan satelit patut dipertingkatkan PBT. KPPT setakat ini sudah menggunakan teknologi 'remote sensing' bagi mengesahkan lokasi tapak pelupusan sampah haram dengan tepat di seluruh negara bagi memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan.

Kesimpulannya, masalah pembuangan sampah haram adalah isu yang tiada pengakhiran. Justeru, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga harus memainkan peranan mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat untuk sama-sama menjaga alam sekitar.

